



KOPI PAHIT

Tuan Mufti Johor di dalam fatwanya mengenai wang loteri boleh digunakan untuk masjid mengatakan bahawa orang-orang yang mengulang-ulang bahawa wang itu wang loteri tidak boleh kerana sesungguhnya ia daripada wahyu syaitan. Orang-orang tercengang dan garu kepala, kerana orang tahu loteri dikuatkuasakan, hasilnya dijaga oleh lembaga bernama Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat, orang-orang meminta kepada lembaga wang loteri! Kerana itu orang pun suka pula bertanya sesiapa yang mengikut wahyu syaitan: Tuan Muftikah atau orang yang menyebut wang loteri! *Māshā' Allāh* Tuan Mufti, takkan matahari dapat ditutup dengan nyiru!.

* * *

Tuan Haji Harun Aminurrashid dalam ceramahnya daripada oleh-olehnya ke Tanah Suci telah mengatakan bahawa pakaian-pakaian serban, jubah panjang, songkok putih dan tasbih pakaian Arab dan Yahudi, tidak kena mengena dengan agama. Orang-orang hairan mendengarnya kerana mereka menyangka akan dapat mendengar bagaimana hikmat dan keadaannya waktu berada di sisi Kaabah dan maqam Nabi dan tempat yang bersejarah di dalam Islam. Tetapi yang dibincangkan adalah pakaian, kerana itu orang suka bertanya, mengapa Tuan Haji baharu itu tidak bercerita bagaimana perasaannya tatkala ia memakai pakaian ihram? Tidakkah ia terasa pada masa berpakaian ihram, berkain putih, berselendang putih, bercapal, bergondol, berpayung sebagai ceti datang meminta hutang ke Mekah?

Di dalam ceramahnya itu juga, Tuan Haji Harun dikatakan banyak hairan melihat hal-hal di Timur Tengah. Ia hairan melihat banyak orang-orang Arab yang putih seperti orang-orang Eropah – hairan melihat matanya biru. Ia juga dikatakan hairan bahawa di Mekah orang-orang di sini biasanya sembahyang menghadap arah ke sebelah barat tetapi di Mekah orang sembahyang berkeliling. Kalau sudah banyak hairannya begini maka kalau dahulu orang memandangnya sebagai seorang yang banyak

pengalaman dan membaca dan lebih kurang mengetahui agama, harus sekarang akan mengecapnya rupanya ia seorang yang jahil.

Mā shā' Allāh.

* * *

Pak Kasur telah popularkan dirinya di Singapura dan akhirnya buku-buku nyanyinya Pak Kasur termasuk *Oh Bandung* hendak dibukukan dan akan digunakan di sekolah oleh kerajaan. Langkah ini tentunya mendukacitakan kerana itu di Singapura hendak di Indonesiakan (di-Jawakan)?

Orang-orang di Tanah Melayu wajib berhati-hati kerana kebudayaan Indonesia (Jawa) telah ada di ambang pintu kita.

* * *

Dalam jamuan membuka Istananya di Kuala Lumpur, yang Maha Mulia Sultan Brunei tidak menghidangkan minuman-minuman keras dan tidak pula wanita-wanita, isteri-isteri yang dijemput. Cara ini adalah bersesuaian dengan ajaran Islam dan harus pula menjadi pukulan yang halus kepada Raja-raja

* * *

Pas di Kelantan bertindak untuk mengharamkan taman-taman hiburan yang di dalamnya banyak kelucahan berlaku. Terang kebaikan yang ada di dalam langkahannya ini tetapi kerana siasah maka langkahannya itu dicela. Sememangnya mereka mencela kerana kalau taman hiburan itu ditutup tentulah tak dapat *can*.

Apakah *can* itu . . . t.s.t

* * *

Ahmad Ibrahim Menteri Kesihatan tatkala menjawab pertanyaan, adakah kerajaan akan menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan, berkata bahawa yang demikian tak mungkin kerana kalau begitu tidaklah ada ertinya Dewan Undangan diadakan. Jawapan menidakkan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan jika terbitnya bukan daripada mulut orang Melayu tentulah tidak mendukacitakan tetapi perkataan ini keluar dari seorang Melayu *Mā shā' Allāh !*

* * *

Radio Singapura sekarang telah dijadikan perniagaan kerana itu selalu didengar tengah-tengah sandiwara radio disiarkan, tengah-tengah asyik orang mendengar maka terdengar di dalamnya “berhubunglah dengan Kampung Gelam Radio” dan seumpamanya. Orang-orang berfikir jika tengah-tengah ucapan Perdana Menteri dipotong demikian bagaimanakah perasaan beliau?

- Cemeti al-Farouk